

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan tentang reka bentuk kajian dan metod pengumpulan data yang dilakukan di dalam kajian ini. Selain daripada itu, pengkaji juga menerangkan prosedur-prosedur untuk menjalankan kajian dan teknik analisis yang digunakan.

3.1 Reka bentuk kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data dan kaedah kajian perpustakaan sebagai kaedah sokongan untuk mencari serta mengumpul data-data yang diperlukan.

3.2 Metod pengumpulan data

Metod pengumpulan data dalam kajian analisis kandungan teks dan kajian perpustakaan ini melibatkan pengumpulan data premier dan sekunder.

3.2.1 Data premier

Data yang diperolehi secara langsung atau asli dari Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn yang ditulis sendiri oleh Al-Imām Al-Nawawi.

3.2.2 Data Skunder

Data yang telah sedia terkumpul (Mohd. Ariff Hussein, 1990: 68), dengan kata lain diambil secara tidak langsung atau perantaraan seperti buku teks, ulasan atau

pendapat tentang peristiwa yang berlaku. Contohnya kitab-kitab yang mengulas sumber pertama Kitāb Riyād al-Šolihīn:

1. Kitāb Riyād al-Šolihīn min Hadīth Sayyid al-Mursalīn li al-Imām Abī Zakariā Yahyā bin Sharaf Al-Nawawī al-Damshiqī wa Sharhu Kunūz al-Bāhithīn yang disyarahkan oleh Ahmad Ratib Hamus (1983). Penerbitan Dar al-Fikr: Beirut. Kitab ini merupakan kitab yang menjadi kajian teks yang dikaji oleh pengkaji dan telah diletakkan satu salinan di lampiran satu.
2. Kitāb Riyād al-Šolihīn min hadīth Sayyid al-Mursalīn li al-Imām Abī Zakariā Yahyā bin Sharaf Al-Nawawī al-Damshiqī wa bi Hāmisihi Maujūz Sharh Ustaz al-Mustafidīn Muhammad bin Ḥasan Al-Sadīqī Al-Shāfiī (1995). Wa taḥqīq wa Idād Alī Abd Al-Hamīd Baltah Jī. Penerbitan Kutub Khanah Faidha, Lahore, Pakistan.
3. Dalīl al-Fālihīn Li Turuq Riyād al-Solihīn oleh Ustaz Muhammad Ḥasan Al-Ṣadīqī Al-Shāfiī Al-Ash̄ārī Al-Mikkī (t.t.). Kitab dalam empat juzuk. Diterbitkan di Beirut, Lubnan dan penerbitnya Dar al-Kutub al-I’lmiyyah.
4. Nuzhat al-Muttaqīn Sharh Riyād al-Solihīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn. Disyarahkan oleh Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Mahyuddin Mustawin, Ali Al-Syirbiji dan Muhammad Amin Lutfi (1992). Dicetak dalam dua jilid besar. Penerbitan Beirut oleh Muassasah al-Risalah

Semua kitab-kitab di atas adalah merupakan kitab-kitab yang mensyarahkan kitab asal Al-Imām Al-Nawawī iaitu Kitāb Riyād al-Šolihīn. Oleh kerana kajian ini melibatkan penyelidikan paradigma Al-Imām Al-Nawawī di dalam teksnya Kitāb Riyād al-Šolihīn dan ulasan terhadap paradigma dan methodologi beliau, kedua-dua bentuk data berkenaan akan digunakan.

Selain itu, penulis akan menggunakan data-data daripada buku-buku dan kitab-kitab yang berautoriti sebagai perbandingan bagi memperkuatkan pandangan Al-Imām Al-Nawawī dan juga sebagai penjelasan yang lebih mendalam terhadap perkara yang kurang dijelaskan oleh beliau.

3.3 Analisis Data

Tumpuan analisis terhadap kandungan teks Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn di samping penggunaan data-data yang terkumpul yang lain. Semua data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif selain kaedah deduktif, induktif dan komparatif.

3.3.1 Metod kualitatif dan kuantitatif

Metod kualitatif ialah data-data yang berkualiti berbentuk keterangan dalam bentuk penulisan yang memberikan kefahaman kepada pembaca dan audien. Sedangkan data-data kuantitatif ialah data-data yang berbentuk nilai dan jumlah (Winarno Surachmad, 1970: 49). Metod kuantitatif ini memungkinkan pengkaji mendapatkan kesimpulan jumlah untuk dihuraikan dalam bentuk kualitatif.

Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn adalah merupakan sebuah kitab yang sebahagian besarnya adalah berorientasikan hadith-hadith Nabi s.a.w dengan didokong oleh ayat Al-Quran dan serba sedikit keterangan daripada Al-Imām Al-Nawawī. Justeru, dalam kajian ini pengkaji telah membuat penganalisisan dalam bentuk kuantitatif terhadap kandungan Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn dalam bentuk jadual kekerapan dan jadual ordinal seperti berikut:

1. Bilangan ordinal kitab-kitab (Tajuk-tajuk besar)

2. Bilangan ordinal bab-bab (tajuk-tajuk kecil di bawah kitab-kitab) di samping keterangan tajuk setiap bab.
3. Kekerapan penggunaan potongan ayat Al-Quran di dalam setiap bab
4. Bilangan ordinal hadith-hadith. Iaitu setiap hadith dinomborkan mengikut turutan nombor di dalam Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn yang ditahkikkan oleh Ustaz Mohd Ratib Hamus. Hanya hadith yang bernombor sahaja yang akan diambil keterangan isinya.
5. Kekerapan penggunaan Hadith Sahih, Hadith Hasan Sahih, Hadith Hasan dan Hadith Daif.
6. Kekerapan riwayat hadith sama ada hadith Riwayat Bukhari dan Muslim yang ditandakan dengan (B.M.), Riwayat Bukhārī sahaja (B.), Riwayat Muslim Sahaja (M.), Riwayat Abū Dawud (D.), Riwayat Tarmidzī (T.), Riwayat Nasa'i (N.), Riwayat Ibnu Mājah (IB.), Riwayat Aḥmad (A.), Riwayat Dhārimī (DH.), Riwayat Mālik (Mk.), Riwayat Hākim (H.), dan Riwayat Dar Al-Quṭnī (DQ.).
7. Kekerapan setiap hadith di dalam lapan katogeri iaitu:
 - (1) Hadith Targhib
 - (2) Hadith Tarhib
 - (3) Hadith Suruhan / Pengharusan
 - (4) Hadith Tegahan / Pengharaman
 - (5) Hadith Nasihat / Pengajaran
 - (6) Hadith Kisah atau Cerita nasihat
 - (7) Hadith Qudwah Hasanah
 - (8) Hadith Perbandingan

Data-data yang telah diisi di dalam jadual membolehkan pengkaji mendapatkan hasil dapatan dalam bentuk lima jadual utama seperti berikut:

1. Data pembahagian bilangan kitab, bilangan bab, jumlah potongan ayat Al-Quran, kupasan Al-Imām Al-Nawawi dan bilangan hadith dalam setiap kitab.
2. Data pengkategorian jenis-jenis hadith yang terdapat di dalam setiap kitab.
3. Data pembahagian rawi hadith kepada sembilan golongan perawi.
4. Data-data tentang hadith daif.
5. Data-data pembahagian hadith kepada lapan jenis tema.

Semua hasil dapatan kemudiannya akan dihuraikan pula secara kualitatif dalam laporan kajian. Sebagai tambahan, pengkaji juga akan mengkategorikan segala perbincangan Al-Imām Al-Nawawi mengenai isi-isi pembangunan insan yang hendak beliau bangunkan ke dalam beberapa kategori yang sesuai.

Pengkategorian ini membolehkan pengkaji mengambil kesimpulan erti pembangunan insan menurut peradigma Al-Imām Al-Nawawi.

Selain itu, pengkaji akan menggunakan kembali data-data kuantitatif yang telah dihasilkan di dalam perbincangan kajian untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

3.3.2 Metod induktif, deduktif dan komparatif

Dalam penghuraian hasil penelitian dan dapatan, pengkaji menggunakan metod induktif, diduktif dan komparatif dalam penyampaian.

Metod induktif ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian melalui hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum (Koentjaraningrat, 1977: 52). Sebagai contoh di dalam kajian ini hasil dapatan kuantitatif yang bersifat khusus akan dihuraikan secara mendalam untuk memperkuuhkan teori-teori baru yang wujud dan memperkuuhkan teori-teori yang telah sedia ada.

Metod ini juga digunakan bagi menjelaskan contoh-contoh yang dibawa oleh Al-Imām Al-Nawawī dengan mengambil beberapa petikan ayat Al-Quran dan Hadith dalam kitab beliau bagi menghuraikan aspek pembangunan yang cuba dibangunkan.

Metod deduktif pula ialah cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus (Koentjaraningrat, 1977: 52). Metod ini banyak digunakan di dalam menghasilkan jadual-jadual kuantitatif di mana data-data umum daripada Kitāb Riyād al-Šolihin dikategorikan di dalam pembahagian-pembahagian khusus untuk mendapat hasil dapatan yang bersifat khusus.

Metod komparatif pula ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi (Abdul Halim Mat Diah, 1987: 136). Penulis menggunakan data-data yang luar daripada Kitāb Riyād al-Šolihin untuk memberikan definisi dan keterangan yang lebih jelas kepada keterangan yang kurang jelas di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin ini seperti penghuraian yang lebih mendalam hadith-hadith Ṣahīh, Hasan Ṣahīh, Hasan dan Da'if atau sebagai perbandingan daripada teori-teori yang telah ada yang digunakan di luar Kitāb Riyād al-Šolihin seperti penggunaan Hadīth Da'if dibolehkan di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin dan penggunaan ini telah dipersetujuai oleh ulama-ulama separtimana yang terdapat di dalam kitab-kitab yang mengkaji tentang hadith.

3.4 Kesimpulan

Metodologi kajian perpustakaan terhadap Kitāb Riyād al-Šolihin melalui pengumpulan data-data yang betul dan pemilihan metod-metod analisis yang rapi ini diharapkan dapat memberikan hasil yang memuaskan dalam kajian ini.